

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini direka untuk memberikan maklumat penting tentang insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati PDS ini bermanfaat; **anda juga harus membaca PDS ini.**



AHLI PIDM

Tarikh: 8 Disember 2025

Manfaat yang boleh dibayar di bawah polisi layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had polisi. Sila rujuk RISALAH PIDM atau hubungi Pacific & Orient Insurance Co. Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah EZInsurance (EZSmartPro)?

EZInsurance (EZSmartPro) ialah pelan insurans kemalangan peribadi yang menyediakan pampasan sekiranya anda mengalami kecederaan, hilang upaya atau kematian yang berpunca daripada keganasan, kemalangan yang tidak disengajakan, berpunca daripada faktor luaran dan boleh dilihat secara nyata.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Terdapat 3 pelan yang anda boleh pilih mengikut keperluan anda. **Sebagai ilustrasi**, dengan premium tahunan **RM196.65** bagi **Pelan Basic** yang merangkumi **Manfaat Utama sahaja**, anda akan menerima **perlindungan** berikut:

Polisi ini melindungi :	Polisi ini tidak melindungi :
(a) Kematian akibat kemalangan – RM100,000 (b) Hilang upaya kekal akibat kemalangan – RM50,000 (c) Perbelanjaan Pengebumian (akibat kemalangan) – RM5,000 (d) Bonus pembaharuan – 10% setiap tahun berdasarkan Jumlah Diinsuranskan Asal, sehingga maksimum 50%, dengan syarat tiada tuntutan dibayar	• Perang, keganasan, penyinaran atau pencemaran oleh radioaktiviti. • Pembunuhan atau serangan yang diprovokasi. • Kegilaan, bunuh diri atau percubaan bunuh diri, kecederaan atau percubaan kecederaan yang disengajakan. • Kehamilan, bersalin, keguguran, hernia atau apa-apa komplikasi yang berkaitan. • HIV dan/atau penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS atau kompleks berkaitan AIDS walau apa pun sebabnya, apa-apa penyakit berjangkit dan/atau derivatif mutan, variasi atau rawatannya dan/atau penyakit kelamin. • Angkatan tentera, perkhidmatan/operasi tentera laut dan tentera udara, sukan profesional serta sukan musim sejuk, dan lain-lain. • Semasa melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang atau semasa menentang penangkapan.
Dengan membayar premium tambahan, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk melindungi: • Pasangan dan/atau anak-anak anda • Manfaat tambahan (pilihan) ✓ Manfaat ICU akibat daripada kemalangan ✓ Manfaat kematian akibat kemalangan ketika menaiki pengangkutan awam ✓ Manfaat tunai kecemasan untuk kemasukan ke hospital akibat kemalangan ✓ Manfaat kemasukan ke hospital akibat ragut curi	
Tempoh perlindungan adalah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun. Nota: Manfaat dan perlindungan di atas, serta pengecualian adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma.	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri anda, anda boleh:



Hubungi kami melalui
03-2698 5033 /
1-800-88- 2121



Layari laman web kami:
www.poi2u.com



Hantar e-mel kepada:
poi2u@pacific-orient.com



Kunjungi kami di:
Tingkat 11,
Wisma Bumi Raya,
No. 10 Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur

Untuk Mengemukakan Aduan, sila layari laman web berikut untuk maklumat lanjut atau hubungi nombor telefon yang disediakan di bawah:
Jabatan Aduan P&O
<https://www.poi2u.com/help/complaints/>
03-2698 5033 (Samb 3263/3264/3471)

Cara Tebus Rugi:

1. FMOS <https://www.fmos.org.my/en/>
03-2272 2811
2. Pautan BNM bnm.gov.my/BNMLINK
1 300 88 5465

3. Ketahui Obligasi Anda

Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Untuk insurans kemalangan diri ini, anda mesti membayar premium:		
Pelan A, Kelas Pekerjaan 1 dan insurans sahaja	RM196.65 setahun	
Perlindungan Tambahan	- Pasangan anda (<i>Kelas Pekerjaan 1</i>): - Anak/Anak-anak - Pasangan + Anak/Anak-anak - Mana-mana dua Manfaat Tambahan untuk diri anda sahaja - Keempat-empat Manfaat Tambahan untuk diri anda sahaja	RM186.80 setahun RM186.80 setahun RM373.65 setahun RM98.35 setahun RM196.65 setahun
Jumlah premium yang perlu anda bayar untuk perlindungan diri anda adalah: RM196.65 setahun tanpa manfaat tambahan, atau RM295.00 setahun dengan dua manfaat tambahan, atau RM393.30 setahun dengan empat manfaat tambahan		

Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Jenis	Amaun
Duti Setem	RM0.00 (RM10.00 akan dicaj kepada Polisi Induk)
Komisen	25% daripada premium atau RM49.16 daripada contoh di atas (termasuk dalam premium)
Cukai Kerajaan yang berkenaan	RM14.95

Nota: Sila rujuk kontrak polisi untuk butiran mengenai Kelas Pekerjaan.

4. Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material dan tidak membuat salah nyata semasa menjawab soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda membuat permohonan insurans ini), dengan kata lain, anda sepatutnya menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan memenuhi terma ini mungkin mengakibatkan pentaksahan kontrak insurans anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda mengikut remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. - Perlindungan insurans tidak akan bermula sehingga premium benar-benar telah dibayar sepenuhnya dan diterima oleh kami. - Umur Kelayakan Semasa Kemasukan – dari 6 bulan hingga 70 tahun, berdasarkan umur pada hari lahir terakhir. Pembaharuan dilanjutkan sehingga 75 tahun. - Apabila berlaku sebarang kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memaklumkan kepada kami dalam masa 14 hari selepas kemalangan berlaku. - Anda perlu menyemak kontrak Polisi Induk yang tersedia di www.ezinsurance.com.my untuk mendapatkan maklumat penuh mengenai perlindungan, terma, syarat, dan pengecualian. NOTA: Senarai terma di atas tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma.
--

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis selama 7 hari kepada kami. Selepas pembatalan, kami akan mengekalkan premium untuk masa polisi yang telah berkuat kuasa atau premium minimum, mana-mana yang lebih tinggi.
- Duti setem tidak akan dikembalikan.